

DASAR KESELAMATAN PERLINDUNGAN JABATAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI, PULAU PINANG

Politeknik Seberang Perai (PSP) beriltizam untuk mengekalkan serta memperkukuhkan persekitaran kerja yang selamat, terjamin dan kondusif melalui pelaksanaan kawalan keselamatan yang menyeluruh berdasarkan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). PSP sentiasa komited dalam memastikan semua aspek keselamatan perlindungan dilaksanakan secara berkesan melalui pematuhan terhadap dasar, prosedur dan peraturan keselamatan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Sehubungan itu, PSP komited untuk menjayakan dasar keselamatan perlindungan tersebut dengan:

1. Memastikan pelantikan Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ) serta penubuhan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) dilaksanakan bagi memastikan pematuhan terhadap Arahan Keselamatan Kerajaan sentiasa dipatuhi.
2. Memastikan aspek keselamatan fizikal dilaksanakan berdasarkan prinsip **“Defence-in-Depth”** bagi mencegah, mengesan, melengahkan serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang ancaman keselamatan demi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan terkawal.
3. Memastikan kawalan serta perlindungan terhadap keselamatan dokumen, maklumat dan bahan rahsia rasmi sentiasa dipelihara bagi mengelakkan berlakunya akses tanpa kebenaran, ketirisan maklumat serta membantu proses siasatan sekiranya berlaku pelanggaran keselamatan.
4. Memastikan kawalan keselamatan rahsia rasmi dalam persekitaran ICT diwujudkan, dilaksanakan, dipantau, dinilai dan ditambah baik secara berterusan bagi menjamin keselamatan sistem ICT, penyampaian perkhidmatan serta pencapaian objektif Dasar Keselamatan ICT PSP.
5. Memastikan pematuhan terhadap langkah-langkah keselamatan peribadi dilaksanakan sepenuhnya bagi meningkatkan kesedaran warga PSP, komuniti keselamatan dan pihak berkepentingan dalam melindungi rahsia rasmi serta perkara rasmi selaras dengan undang-undang, dasar dan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa.
6. Memastikan pengurusan kesinambungan perkhidmatan keselamatan perlindungan dilaksanakan secara menyeluruh bagi menjamin ketersediaan perkhidmatan sekiranya berlaku sebarang gangguan serta memastikan fungsi operasi dapat dipulihkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.



(HAJI MOHD RUZI BIN HAMZAH)
PENGARAH
POLITEKNIK SEBERANG PERAI
Tarikh: 04 Jun 2026